

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN HARI PENGGUNA SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN
TAHUN 1997

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 NOV 1997

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 1997 pada hari ini.

2. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan majlis ini.

3. Pengakuan bahawa pengguna mempunyai hak sudah diterima di seluruh dunia. Namun hak itu hendaklah munasabah. Keterlaluan dalam menuntut hak pengguna, terutama melalui gantirugi yang amat tinggi hanya akan membebankan masyarakat. Hak pengguna bukan untuk mengguna segala kecelakaan untuk mendapat gantirugi yang tinggi. Hak pengguna ialah menuntut keadilan yang berpatutan dan mengurangkan kemungkinan sesuatu yang boleh mendatangkan kecelakaan diulangi. Harus diingat bahawa walaupun ternampak gantirugi dipikul oleh pihak yang terlibat tetapi akhirnya yang membiayai gantirugi itu ialah masyarakat pengguna sendiri.

4. Saya ingin mengulangi bahawa pengguna dan pembekal adalah orang yang sama. Sementara seseorang mengguna barangan atau khidmat orang lain ia juga membekalkan barangan atau khidmat kepada orang lain. Jika sebagai pengguna ia tidak suka bekalan yang tidak baik, sebagai pembekal janganlah pula ia membekal barangan atau khidmat yang tidak baik. Jika kita dapat ingat hakikat ini, insya-Allah, kita sebagai pengguna akan selalu mendapat bekalan yang baik.

5. Tema Hari Pengguna Sedunia pada tahun ini masih `Inflasi Sifar Sasaran Kita'. Kerajaan merasakan kempen ini perlu diteruskan kerana ianya munasabah dan penting untuk menentukan kos hidup di negara kita akan sentiasa stabil. Jika kos sara hidup tidak meningkat maka usaha kita untuk menaikkan pendapatan rakyat negara ini akan menambah kuasa beli kita atau `purchasing power'

pendapatan kita. Jika kos hidup meningkat, iaitu jika ada inflasi, kuasa beli kita akan merosot dan kita menjadi semakin miskin, walaupun percubaan dibuat untuk menambah pendapatan. Yang penting bukan jumlah wang yang kita dapat, tetapi kuasa beli wang itu. Apa gunanya mendapat kenaikan pendapatan jika kenaikan itu tidak dapat menambah barangan atau khidmat yang kita boleh beli. Jika inflasi berlaku, pendapatan yang sama tidak akan dapat membeli barangan yang sama.

6. Ada antara kita yang berpendapat bahawa untuk melawan inflasi kita hanya perlu menaikkan pendapatan, sama ada gaji atau `margin' keuntungan. Tetapi kenaikan gaji atau keuntungan tetap akan menaikkan kos barangan atau khidmat, iaitu menyebabkan inflasi berlaku. Dengan itu kenaikan gaji atau keuntungan tidak dapat menambah kuasa beli yang sebenar.

7. Inflasi hanya boleh diatasi dengan menambah daya keluaran atau produktiviti, sama ada melalui cara kerja yang lebih efisien atau pelaburan untuk alatan yang lebih produktif. Sepanjang masa dalam sejarah ekonomi moden, tambahan produktiviti dapat dilakukan. Bangsa yang cekap menambah produktiviti akan berjaya dalam saingan dengan bangsa-bangsa lain, dan akan menjadi lebih mewah serta menikmati kehidupan yang lebih bahagia.

8. Oleh yang demikian adalah penting kita membendung inflasi melalui peningkatan produktiviti kita dengan apa juga cara yang mungkin. Tetapi peningkatan produktiviti perlu dibantu dengan amalan kepenggunaan yang sihat. Jika kita terus mengejar barangan sehingga ia berkurangan maka sudah tentu harga akan meningkat. Sebaliknya jika kita sanggup membeli barang gantian atau kita kurangkan permintaan untuk barangan yang kurang bekalannya, maka dengan sendirinya inflasi tidak akan berlaku.

9. Apabila kita bercakap tentang inflasi, tumpuan kita ialah kepada barang-barang perlu dan bukan barang mewah. Inflasi kita disebabkan terutamanya oleh pengimportan barangan makanan yang tinggi. Sebahagian besar daripada indeks kos sara hidup adalah barangan makanan. Kita tidak mungkin mengurangkan harga barangan makanan yang diimport tetapi kita boleh mengurangkan makanan berkenaan sebagai bahan makanan kita. Kita boleh menggantikannya dengan barangan makanan yang lain. Seberapa yang boleh kita makan barangan yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri. Demikian juga dengan barangan lain yang terdapat dalam indeks kos sara hidup.

10. Dalam usaha membendung inflasi pengguna dan persatuan-persatuan mereka boleh memainkan peranan yang amat berkesan. Kesatuan pengguna boleh menasihatkan pengguna dengan nasihat yang baik supaya mereka tahu dan mereka mendapat maklumat yang boleh menolong mereka

membantu dalam usaha membendung inflasi.

11. Sebaliknya jika kesatuan pengguna menggunakan cara-cara yang terasing daripada budaya kita, maka mereka akan menyebabkan inflasi meningkat. Umpamanya kita sedar akan pentingnya memelihara alam sekitar kita. Untuk ini kita mensyaratkan supaya diadakan Kajian Kesan Ke atas Alam Sekitar atau Environment Impact Assessment (EIA) sebelum sesuatu projek dilaksanakan. EIA sendiri akan menambah kos bukan semata-mata kerana upahan tetapi kerana kelewatan pelaksanaan. Kita patut sanggup memikul kos ini.

12. Tetapi apabila persatuan pengguna membuat bermacam-macam teguran dan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan mendesak lebih daripada yang diperlukan, maka kos akan meningkat dan pengguna sendiri yang akan memikul bebannya. Demikian harga barangan, rumah atau tol akan meningkat kerana bantahan yang berpanjangan oleh kesatuan pengguna. Projek dan pembangunan yang penting telah meningkat kosnya dan lambat disiapkan (dengan tambahan kos lagi) kerana syarat-syarat yang berlebihan. Kita patut sanggup menanggung kos kerana syarat yang perlu. Tetapi menambah kos kerana pendapat persendirian orang tertentu tidaklah wajar. Kesatuan pengguna sepatutnya menolong mengurangkan kos sara hidup pengguna, bukan menaikkan kos. Kita ingin hidup seperti orang di negara maju, tetapi kita tidak perlu mengikuti cara-cara mereka yang membazir atau yang tidak perlu. Sebenarnya kos sara hidup kita boleh dikurangkan separuh jika kita tidak ghairah mengikuti cara-cara bertindak masyarakat yang sudah maju yang lebih mampu membazir daripada kita.

13. Baru-baru ini kita telah lihat bagaimana tindakan 'speculators' asing dapat merugikan kita. Apabila nilai ringgit dijatuhkan maka kos import meningkat. Sebaliknya jika eksport kita tidak meningkat pendapatan kita dalam bentuk wang asing akan menurun. Dengan ini bukan sahaja defisit dagangan kita akan bertambah, tetapi kos sara hidup kita iaitu inflasi juga meningkat.

14. Untuk mengatasi masalah jatuhnya nilai matawang kita, kita perlu kurangkan penggunaan barangan import -- bukan sahaja barangan 'consumer' tetapi juga 'capital goods'. Jika sebaliknya kita menuntut supaya upah kita dinaikkan kerana kos barangan tertentu yang diimport telah meningkat harganya, maka kos barangan keluaran kita untuk eksport akan naik. Walaupun ia tidak meningkat dalam bentuk wang asing tetapi kita tidak akan menjadi kompetitif dan bersaing dengan produk dari negara jiran yang juga mengalami kejatuhan nilai matawangnya. Kenaikan upah kita tetap akan menaikkan inflasi lagi dan ini akan menyebabkan kenaikan upah tidak menambah dayabeli kita. Lebih dari waktu biasa, kejatuhan nilai matawang perlu diatasi dengan kenaikan produktiviti yang lebih.

15. Dalam usaha memerangi inflasi dan mempertahankan hak pengguna, apa yang perlu dibuat oleh kesatuan pengguna ialah menerangkan perkara-perkara ini kepada orang ramai. Dan jika pihak asing yang menyebabkan kejatuhan nilai matawang kita, kesatuan pengguna hendaklah mengecam pihak yang berkenaan kerana usaha Kerajaan untuk memakmurkan rakyat selama 40 tahun telah digagalkan oleh mereka yang tamak ini dalam jangkamasa hanya beberapa minggu. Mereka yang mendakwa bahawa masalah kejatuhan nilai matawang kita adalah disebabkan kita tidak cekap mentadbir negara kita amatlah jahil. Mereka hanya pandai menganalisa ekonomi tetapi tidak pernah mengurus apa-apa dan sudah tentu tidak pernah mentadbir mana-mana negara dengan jayanya. Kita tidak harus dipengaruhi dengan pandangan mereka.

16. Akhirnya, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1997.